

J. P.U. 66.**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976****UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING****(MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU) (PINDAAN) 2021**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Bandaraya Johor Bahru membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan Undang-Undang Kecil yang berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (Majlis Bandaraya Johor Bahru) (Pindaan) 2021**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Pindaan undang-undang kecil 2

2. Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (Majlis Bandaraya Johor Bahru) 1995 [J.P.U. 53/1995], yang disebut sebagai “Undang-Undang Kecil ibu” dalam Undang-undang Kecil ini adalah dipinda-

(a) dengan menggantikan tafsiran “anjing” dengan tafsiran yang berikut:

“anjing” ertiannya anjing yang telah dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil ini;’

(b) dengan memasukkan selepas tafsiran “anjing” tafsiran yang berikut:

“anjing terlarang” ertiannya mana-mana anjing yang dinyatakan sebagaimana dalam Jadual II;’

dan

(c) dengan menggantikan tafsiran “pemunya” dengan tafsiran baru berikut:

“pemunya” berhubungan dengan seekor anjing ertiannya orang yang memiliki, menjaga atau mengawal anjing itu, dengan syarat bahawa jika sekiranya merasa ragu tentang keempunyaan seekor anjing, pemunya atau penduduk premis yang sering didatangi oleh anjing itu atau seseorang yang biasanya memberi makan anjing itu hendaklah disifatkan sebagai pemunya sehingga dibuktikan sebaliknya oleh pemunya, penduduk atau orang itu;’.

Penggantian undang-undang kecil 12

3. Undang-Undang Kecil ibu adalah dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 12 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“12. Tiada seseorang dibenarkan memelihara anjing di dalam bangunan kediaman bertingkat strata. Pemunya anjing tidak dibenarkan memelihara anjing melebihi seekor di dalam rumah teres atau rumah link, dua ekor di dalam rumah berkembar dan tidak melebihi empat di dalam rumah banglo kecuali diluluskan oleh Datuk Bandar.”.

Undang-undang kecil baru 13A

4. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 13, undang-undang kecil baru yang berikut:

“Kuasa menyita anjing-anjing yang tidak berlesen dan anjing-anjing yang terlarang

13A. (1) Majlis boleh menyita anjing yang tidak berlesen dan anjing yang terlarang di luar kawasan premis dan di mana-mana tempat awam.

(2) Majlis juga boleh menyita anjing yang tidak berlesen dan anjing yang terlarang di dalam kawasan premis dengan waran sitaan yang dikeluarkan oleh Majistret.

(3) Apa-apa kos menyita ditanggung oleh pemunya anjing sepertimana dalam Jadual III.

(4) Jika mana-mana anjing yang ditangkap mengikut Undang-Undang Kecil ini—

(a) telah ditahan—

- (i) selama 7 hari selepas penangkapannya; atau
- (ii) dalam notis disampaikan selama 7 hari selepas notis itu disampaikan; dan

(b) tidak dituntut oleh pemunya atau pemunya enggan membayar fi yang dinyatakan, maka Datuk Bandar atau pegawai yang diberi kuasa boleh menyebabkan anjing itu dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

(5) Majlis tidaklah bertanggungan untuk membayar apa-apa pampasan kepada mana-mana pemunya bagi apa-apa kecederaan atau kematian mana-mana anjing semasa anjing itu ditahan.

(6) Majlis juga tidaklah bertanggungan untuk membayar apa-apa pampasan kepada mana-mana pemunya bagi mana-mana anjing yang dilupuskan di bawah perenggan (4).

(7) Bagi tuntutan di bawah subperenggan 4 pemunya anjing hanya boleh menuntut anjing bagi kesalahan yang dilakukan buat kali pertama, bagi pemunya anjing yang melakukan kesalahan kali kedua dan seterusnya tidak boleh menuntut anjing tersebut dan Majlis boleh melupuskan anjing tersebut dengan cara yang ditentukan oleh Datuk Bandar.”.

Undang-undang kecil baru 13B

5. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 13A, undang-undang kecil baru yang berikut:

“Pengkompaunan kesalahan

13B. (1) Majlis boleh, dengan kebenaran bertulis Pendakwa Raya, membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang dengan munasabah disyaki telah melakukan suatu kesalahan mengkompaun kesalahan itu setelah bayaran dibuat kepada Majlis suatu jumlah yang tidak melebihi lima puluh peratus amaun denda maksimum bagi kesalahan tersebut dalam suatu masa yang boleh dinyatakan dalam tawaran.

(2) Suatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum pendakwaan baginya dimulakan dan di mana amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam masa lanjutan seperti yang dinyatakan oleh Majlis boleh membenarkan, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Di mana suatu kesalahan telah dikompaun di bawah perenggan (1)–

- (a) tiada pendakwaan boleh kemudiannya dimulakan berkenaan dengan kesalahan sedemikian terhadap orang yang tawaran mengkompaun telah dibuat;
- (b) apa-apa buku, rekod, perkakas, pelengkap, instrumen, material, artikel atau apa-apa benda yang telah disita berhubung dengan kesalahan tersebut, boleh dirampas, dihapuskan atau dikembalikan kepada orang itu, sepertimana yang Majlis menganggap patut selepas membuat pertimbangan mengenai sifat kesalahan dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat sedemikian yang boleh dinyatakan.”.

Penggantian Jadual

6. Jadual dalam Perintah ibu adalah dipinda dengan menggantikan Jadual dengan Jadual yang berikut:

JADUAL I
[*Undang-undang Kecil 4 dan 6*]
FI TAHUNAN

| Bil. | Jenis Anjing | Kadar lesen setahun |
|------|-------------------------------|---------------------|
| 1. | Anjing yang belum dimandulkan | RM60.00 seekor |
| 2. | Anjing yang telah dimandulkan | RM40.00 seekor |

Jadual baru

7. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual I Jadual yang berikut:

“JADUAL II
[*Undang-undang Kecil 2*]
ANJING TERLARANG

1. Pit Bull Terrier/Pit Bull juga dikenali sebagai (American Pit Bull, American Pit Bull Terrier, American Staffordshire Terrier dan Stafford Bull Terrier)
2. American Bulldog
3. Neapolitan Mastiff
4. Japanese Tosa
5. Akita
6. Dogo Argentino
7. Fila Braziliero

JADUAL III
[*Undang-undang Kecil 13A*]

| | |
|---|---------|
| Caj penyitaan seekor anjing setiap hari | RM30.00 |
|---|---------|

JADUAL IV

KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN
ANJING MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU (PINDAAN) 2021

1. Anjing yang dipelihara menimbulkan suatu masalah atau kacau ganggu atau mewujudkan sebarang gangguan atau ketidakselesaan kepada penghuni lain seperti:
 - (a) Melakukan atau menyebabkan kerosakan harta benda awam atau kecederaan kepada penduduk di bangunan kediaman atau premis kediaman;
 - (b) Membuat bising (siang atau malam) dan menimbulkan kacau ganggu bunyi bising kepada penduduk setempat;
 - (c) Berkeliaran bebas tanpa pengawasan atau berkeliaran keluar dari tempat anjing itu dipelihara;

- (d) Mempamerkan tingkah laku yang agresif atau berbahaya atau mungkin merbahaya;
 - (e) Membuang najis (membuang air kecil atau air besar) di kawasan umum dan kawasan milik persendirian;
 - (f) Apa-apa perkara lain yang diisyiharkan oleh Datuk Bandar sebagai suatu kacau ganggu.
2. Pemilik atau pemunya anjing yang tidak mematuhi syarat seperti:
- (a) Tidak memastikan atau menjalankan pengawasan terhadap anjing yang dipelihara pada setiap masa;
 - (b) Tidak memberikan imunisasi kawalan penyakit atau pemeriksaan kesihatan kepada anjing yang dipelihara secara berkala;
 - (c) Tidak mematuhi syarat tentang jumlah maksimum anjing yang boleh dipelihara terhad kepada unit pemilik yang ditetapkan oleh Majlis;
 - (d) Tidak memastikan anjing diikat dan ditutup mulutnya dan berada di bawah kawalan yang sepatutnya pada setiap masa bila mana anjing itu dibawa keluar dari premis;
 - (e) Tidak memastikan premis anjing dipelihara dipagar dengan selamat dan pagar itu disenggara dengan sepatutnya pada setiap masa;
 - (f) Tidak mempamerkan pada setiap masa tanda “AWAS ANJING” di suatu tempat yang ketara dan mudah dilihat di bahagian hadapan dan belakang premisnya;
 - (g) Menggunakan tempat atau peralatan kemudahan awam untuk membersihkan atau memandikan aajing yang dipelihara;
 - (h) Gagal memperbaharui lesen anjing selepas tamat tempoh lesen tersebut.”.

Bertarikh 1 Julai 2020
 [MBJB/U/2019/28/UUK/2]
 [SUKJ.KT. 24/69/8 JLD. 3(52); PPUUNJ. 600-1/2/48(2)]

DATO' HAJI NOORAZAM BIN OSMAN
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Johor Bahru

Disahkan 13 Oktober 2021
 [Ringkasan Mesyuarat Bil.: 954/2021]

HAJI ZAINAL BIN ERAN
Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan
Johor

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976
LICENSING OF DOGS (JOHOR BAHRU CITY COUNCIL)
BY-LAWS (AMENDMENT) 2021

IN exercise of the powers conferred by section 73 of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the Johor Bahru City Council makes, and pursuant to section 103 of the said Act the State Authority makes, the following by-laws:

Citation and commencement

1. (1) These By-laws may be cited as the **Licensing of Dogs Johor Bahru City Council By-Law (Amendment) 2021**.

(2) These By-Laws shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

Amendment of by-law 2

2. The Licensing of Dogs (Johor Bahru City Council) By-Laws 1995 [J.P.U. 53/1995] which referred to as the “principal By-Law” in these By-laws is amended—

(a) by substituting for the definition of “dog” the following new definition—

“dog” means a dog licensed under these By-Laws;’;

(b) by inserting immediately after the definition of “dog” new definition—

“banned dog” means any dog specified in Schedule II;

and

(c) by substituting for the definition of “owner” the following new definition—

“owner” in relation to a dog means the person having possession, custody or control of the dog, but in any case of doubt concerning the ownership of a dog, the owner or occupier of the premises frequented by the dog or the person who habitually feeds the dogs shall be deemed to be its owner until the contrary is proved by such owner, occupier or person;

Substitution of by-law 12

3. The principal By-Laws is amended by substituting by-law 12 with the following by-laws:

"12. No person are not allowed to keep a dog in a strata multilevel residence. An owner of dog is not allowed to keep a dog more than one in a terrace or link house, two in a semi-detached house and not exceeding four in a bungalow house unless approved by the Mayor".

New by-law 13A

4. The principal By-Laws is amended by inserting after by law 13, the following by-law 13A—

"Power to seize unlicensed dogs and banned dogs

13A. (1) The Council may seize unlicensed and banned dogs outside the premises and in any public place.

(2) The Council may also seize unlicensed and banned dogs within the premises with a warrant issued by the magistrate.

(3) Any cost of confiscation are borne by the dog owner.

(4) If any dog is that caught in accordance with these By-Laws—

(a) has been arrested—

(i) for 7 days after his arrest; or

(ii) in the notice served 7 days after the notice was served; and

(b) the dog owner does not claim to pay the specified fee, so the Mayor or authorized officer may cause the dog to be disposed of in the manner specified by the Mayor.

(5) The Council shall not be liable to pay any compensation to any dog owner for any injury or death of any dog while it is detained.

(6) The Council also shall not be liable to pay any compensation to any dog owner for any dog disposed of under paragraph (4).

(7) For claims under subparagraph 4 dog owners may only demanded the dog for the first offense, the dog owner who make the second offense and next offence cannot demanded the dog and the Council may dispose of the dog in such manner as the Mayor may determine.”.

New by-law 13B

5. The principal By-Laws is amended by inserting, immediately after by-law 13A, the following new by-law—

“Compounding of offences

13B. (1) The Council may, with the written consent of the Public Prosecutor, make a written offer to the person suspected of having committed an offence, which is prescribed to be compoundable to compound the offence upon payment to the Council such amount not exceeding fifty per centum of the amount of maximum fine for that offence within such time as may be specified in the offer.

(2) An offer under subsection (1) may be made at any time after the offence has been committed but before any prosecution for it has been instituted and where the amount specified in the offer is not paid within the time specified in the offer or within such extended time as the Council may grant, prosecution for the offence may be instituted at any time thereafter against the person to whom the offer was made.

(3) Where an offence has been compounded under subsection (1)–

- (a) no prosecution shall thereafter be instituted in respect of such offence against the person whom the offer to compound was made; and
- (b) any book, record, apparatus, equipment, instrument, material, article or any other thing seized in connection with the offence, may be forfeited, destroyed or returned to that person, as the Council deems fit after taking into consideration the nature of the offence and subject to such terms and conditions as may be imposed.”.

Amendment Schedule

6. The Schedule in the principle By-Laws is amended by substituting the Schedule with the following Schedule–

SCHEDULE I
[*By-Laws 4 and 6*]
ANNUAL FEE

| No. | Types of dogs | Rate of license per annum |
|-----|---------------------------------|---------------------------|
| 1. | The dog which is not sterilised | RM60.00 per head |
| 2. | The dog which is sterilised | RM40.00 per head |

New Schedule

7. The principal By-Laws is amended by inserting after Schedule I the following Schedule:

“SCHEDULE II
[*By-Laws 2*]
BANNED DOG

1. Pit Bull Terrier/Pit Bull also known as (American Pit Bull, American Pit Bull Terrier, American Staffordshire Terrier and Stafford Bull Terrier)
2. American Bulldog
3. Neapolitan Mastiff
4. Japanese Tosa
5. Akita
6. Dogo Argentino
7. Fila Braziliero

SCHEDULE III
[*By-Laws 13A*]

| | |
|------------------------|---------|
| Charge for a dog daily | RM30.00 |
|------------------------|---------|

SCHEDULE IV

OFFENCES UNDER LICENSING OF DOGS
(JOHOR BAHRU CITY COUNCIL) BY-LAWS 2021

1. A dog that is raised causes problems or nuisance or create any disturbance or discomfort to other occupants such as:
 - (a) Doing or causing damage to public property or injury to residents at residential buildings or residential premises;
 - (b) Making noise (day or night) and causing noise disturbance to local;
 - (c) Roaming freely without supervision or to roaming outside where the dog is raised;
 - (d) Show off the aggressive or dangerous or potentially harmful behavior;
 - (e) Throw away the shit (urine or urine) in general area and private property;
 - (f) Any other matter declared by the Mayor as to be a nuisance.
2. The owners or dog owner that does not comply with such condition:
 - (a) Failure to assure or exercise supervision of the dog that at every time;
 - (b) Does not provide periodic immunization or health checkups to regularly supervised dogs;

- (c) Failure to comply with the requirements regarding the maximum number of dogs to be kept is limited to the owner's unit as determined by the Council;
- (d) Does not ensure that the dog is tied up and closed and is in proper control at all times when the dog is brought out from premise;
- (e) Does not ensure that the premises of the dog are kept safe and that the fence is properly maintained at all times;
- (f) Does not display at all times the "AWAS ANJING" sign in a prominent and easily visible place on the front and back of the premises;
- (g) Using public facilities or facilities to clean or bathe the dogs;
- (h) Failed to renew dog license after expiry of license.”.

Dated 1 July 2020

[MBJB/U/2019/28/UUK/2]

[SUKJ.KT. 24/69/8 JLD. 3(52); PPUUNJ. 600-1/2/48(2)]

DATO' HAJI NOORAZAM BIN OSMAN
Mayor
Johor Bahru City Council

Confirmed 13 October 2021
[Ringkasan Mesyuarat Bil: 954/2021]

HAJI ZAINAL BIN ERAN
Clerk of the State Executive Council
Johore

Hakcipta Pencetak ⑪

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau distarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN JOHOR BAHRU, 2021
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA
www.printnasional.com.my, email.pnmbjb@printnasional.com.my